

**Sayap Umno Perlu Contohi Pucuk Pimpinan Parti - Hishammuddin  
Bernama  
August 9, 2014**

BERA, 9 Ogos (Bernama) -- Barisan pimpinan sayap dalam parti Umno perlu mencontohi kebijaksanaan dan kesabaran pucuk pimpinan parti mengendalikan isu politik dan negara bagi memastikan kelangsungan Umno sebagai parti utama di negara ini yang memperjuangkan nasib rakyat terutamanya orang Melayu dan Islam.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata penting bagi setiap anggota Umno menanam sifat sabar dan ketahanan diri untuk berhadapan pelbagai situasi agar setiap isu yang berlaku diselesaikan dengan bijaksana dan bukannya mengikut emosi.

"Setiap apa yang berlaku ada hikmah di sebaliknya dan di situlah kita dapat kenal pasti siapa yang mampu bertahan (demi kepentingan parti).

"Jika sesetengah ujian kita tidak mampu atasi dengan kebijaksanaan dan mengikut emosi bagaimana nak memimpin negara?" katanya ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno Bahagian Bera di sini hari ini.

Turut hadir, anggota Parlimen Bahagian Bera merangkap Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Hishammuddin yang juga Menteri Pertahanan mahu pimpinan sayap parti mencontohi Perdana Menteri merangkap Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak yang berjaya mengendalikan dengan baik kes pesawat MAS MH17 yang ditembak jatuh di Ukraine baru-baru ini.

"Saya dan Perdana Menteri turut kehilangan saudara iaitu nenek tiri dalam nahas itu. Jika diikutkan marah dan emosi, mungkin kita tidak berjaya membawa keluar mayat rakyat kita dari kawasan bergolak tersebut ke Amsterdam.

"Sekarang dunia sudah nampak, pendekatan yang digunakan oleh Perdana Menteri diiktiraf dunia walaupun ada yang memperlekeh sebelum ini, kita sebuah negara kecil tidak mampu berdepan dengan puak pemisah bagi membawa keluar mayat tersebut," katanya.

Kejayaan itu juga membuktikan pimpinan Umno dan parti itu bukan parti retorik dan mengamalkan budaya nepotisme yang sering digembar-gembur oleh pembangkang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1059092>